



مجلس بنداراي كوالا ترنگانو

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Tingkat 4 - 8, No. 88, Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Tel: 09-627 1111
Faks: 09-622 6570
<http://mbkt.terengganu.gov.my>

MBKT 01/5-3/19 BHG. 14 (87)

Bertarikh : 15 November 2022
Bersamaan : 20 Rabiulakhir 1444H

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan
(Seperti di senarai edaran)**

**Semua "Principal Submitting Person"
(Seperti di senarai edaran)**

YBhg. Datuk /Dato' / Datin / YM / Tuan / Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI SEMINAR BANJIR : CABARAN KE ARAH BANDAR BERDAYA TAHAN

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YM / Tuan / Puan kepada perkara tertera diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan jalinan kerjasama Koperasi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KOSMAT) Berhad dan Persatuan Pegawai Perancang Bandar PBT Malaysia (PETA) akan menganjurkan **Seminar Banjir : Cabaran Ke Arah Bandar Berdaya Tahan** pada **22 Disember 2022 (Khamis), jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Auditorium, Menara MBKT.**

3. Peserta-peserta yang menghadiri seminar ini akan diberi pendedahan Lawatan Teknikal Ke Taman Tamadun Islam dan River Cruise. Sehubungan itu, pihak Majlis amat berbesar hati untuk menjemput **Bahagian Pentadbiran PBT, Ahli Majlis, Bahagian Penguatkuasaan PBT, Bahagian Undang-Undang PBT, Jabatan Kawalan Bangunan PBT, Jabatan Perancangan Bandar PBT dan "Principal Submitting Person" Seluruh Malaysia serta wakil-wakil pihak tuan bagi urusan tersebut** sebagai peserta seminar ini. Yuran pendaftaran adalah sebanyak **RM 300.00 seorang** (tidak termasuk penginapan peserta).

4. Setiap penyertaan layak menuntut mata **"Continuous Contractor Development (CCD)"** atau **"Continuing Professional Development (CPD)"** daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT), Malaysian Institute Of Planners (MIP), Board of Engineering Malaysia (BEM), dan Malaysia Board of Technologists (MBOT).

5. Bersama-sama ini dikepilkan risalah seminar dan borang pendaftaran yang perlu dikembalikan kepada urusetia melalui faksimili **09-626 4720 / 09-627 1130** atau e-mailkan ke **szuzieana@mbkt.gov.my / nursyakira.kosmat@gmail.com** sebelum atau pada **15 Disember 2022 (Khamis)**. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / YM / Tuan / Puan boleh berhubung dengan urusetia Majlis;

- i) Cik Nur Syakira binti Salim di talian 09-624 9299 / 016-766 1328
- ii) Puan Suzieana binti Hamid di talian 09-627 1157 / 014-821 6947

Bandaraya Warisan Desisir Air

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YM / Tuan / Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

- s.k. -
- 1) Koperasi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KOSMAT) Berhad
 - 2) Persatuan Pegawai Perancang Bandar PBT Malaysia (PETA)
 - 3) Fail